

Perlumbaan persenjataan nuklear jadi kebimbangan

BH - 19/9/2021 m/s: 2

Malaysia nyata kekusaran AUKUS cetus provokasi di rantau Indo-Pasifik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melahirkan kekusaran Malaysia terhadap pembentukan kerjasama tiga hala di antara Australia, United

Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) yang dikenali sebagai AUKUS.

Perdana Menteri menegaskan, AUKUS bakal memangkin perlumbaan persenjataan nuklear di rantau Indo-Pasifik dan pada masa sama, memprovokasi kuasa lain bertindak lebih agresif di rantau ini, terutama di Laut China Selatan.

Melalui kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, Ismail Sabri berkata, semua pihak perlu mengelak provokasi dan persaingan senjata di rantau ini dan menyedari kepentingan menghormati serta mematuhi pendirian serta sekatan sedia ada.

“Sebagai negara anggota ASEAN, Malaysia memegang prinsip mengekalkan rantau Asia Tenggara sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN),” katanya.

Menurut kenyataan itu, Perdana Menteri Australia, Scott Morrison memaklumkan dan memberikan penjelasan kepada Malaysia mengenai penubuhan AUKUS, antara lain bertujuan membantu Australia memperoleh kapal selam berkuasa nuklear.

“Perdana Menteri mengambil maklum perkara terbabit dan menegaskan pendirian Malaysia terhadap penubuhan AUKUS ini, menekankan kepenti-

ngan menghormati dan mematuhi pendirian serta pendekatan sedia ada Malaysia terhadap kapal selam berkuasa nuklear yang beroperasi di perairan negara.

“Ia termasuk di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkaitan Undang-Undang Laut 1982 (UNCLOS) dan Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ),” kata kenyataan berkenaan.

Pejabat Perdana Menteri turut memaklumkan, Ismail Sabri dan Morrison mencapai kata sepakat dalam memperbaharui komitmen bersama bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan an-

“Sebagai negara anggota ASEAN, Malaysia memegang prinsip mengekalkan rantau Asia Tenggara sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)”



Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri

tarabangsa, khususnya di rantau Indo-Pasifik.

“Malaysia dan Australia ber-setuju memperkukuhkan kerjasama dan konsultasi dalam pelbagai aspek, termasuk dalam bidang pertahanan menerusi Perkongsian Strategik Komprehensif,” katanya.